

# **TERENGGANU DARUL IMAN**

9 826 805  
MUSEUM PERMERINTAHAN  
PERGAMAN NEGARA MELAKA  
ATB

**Cetakan Pertama 1998**

**©Hak Cipta Terpelihara**

Tidak dibenarkan mengeluar ulang  
mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk  
atau cara sekalipun kecuali dengan izin bertulis  
daripada

**PENERBIT PRISMA SDN BHD**

NO. SYARIKAT: 154124-A  
129, Jalan SS 25/2, Taman Mewah  
47301 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-7034393 / 7034397  
Fax: 603-7039367

ISBN 983-823-559-8 (SIRI)  
983-823-564-4

M  
959.5122  
405

MABOPA  
No. Ahli: 8702

Dicetak oleh YEOHPRINCO SDN BHD  
**26 SEP 2002**

NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
APB 01077575

*Siri Kenali Negerimu*

# Terengganu Darul Iman



Roselan Abd. Malek  
Azmi Yusoff

Penerbit Prisma Sdn Bhd  
No Syarikat: 154124 - A  
Petaling Jaya




# **TERENGGANU DARUL IMAN**

Negeri Terengganu Darul Iman terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia. Negeri ini bersempadan dengan Kelantan di bahagian barat laut dan utara, dan Pahang di bahagian barat daya dan selatan.

Keluasan negeri Terengganu kira-kira 13 000 kilometer persegi. Negeri ini terbahagi kepada tujuh daerah, iaitu Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Hulu Terengganu, Marang, Dungun dan Kemaman. Selain Hulu Terengganu, semua daerah Terengganu berbaris menghadap Laut Cina Selatan. Panjang persisiran pantai Terengganu ialah kira-kira 250 kilometer.

Jalan raya utama di negeri ini hampir sepanjang panjangnya menyusur pantai. Ini disebabkan keadaan

*Sebahagian bandar Kuala Terengganu dilihat dari Bukit Puteri.*



muka bumi di bahagian barat negeri Terengganu bergunung-ganang sementara di bahagian timurnya landai. Negeri ini tidak mempunyai perkhidmatan kereta api kecuali kereta api yang digunakan untuk mengangkut bijih besi dari Bukit Besi di Dungun. Namun perkhidmatan ini juga telah pun dihentikan sejak lombong itu ditutup. Lombong ini ditutup dalam tahun 70-an dan serentak dengannya aktiviti di pekan Bukit Besi terus menjadi lembab. Ini adalah kerana kebanyakan pekerja lombong yang diusahakan oleh syarikat Inggeris (sebelumnya Jepun) itu

*Salah satu struktur yang melambangkan perubahan corak hidup penduduk Terengganu.*



kebanyakannya bukan penduduk asal Terengganu.

Kini sebatang lebuh raya telah dibina di kawasan pedalaman. Lebuh raya ini melalui kawasan seperti Jerangau, Jabor dan Kuala Berang.

Dengan adanya jalan yang menghubungkan jalan utama dengan daerah pedalaman, kawasan-kawasan yang telah sekian lama terbiasa sama-sama dapat menikmati kesan pembangunan yang dicapai oleh negeri Terengganu Darul Iman.

Sungai-sungai utama di negeri ini ialah Sungai Terengganu, Sungai Besut, Sungai Dungun, Sungai Kemaman, Sungai Paka dan Sungai Neris. Pulau-pulau utamanya pula ialah Pulau Redang, Pulau Perhentian, Pulau Kapas dan Pulau Bidong.

Ketiga-tiga buah pulau yang tersebut di atas merupakan tempat peranginan yang popular di kalangan pelancong tempatan dan juga pelancong dari luar

negara. Pulau yang terakhir pula iaitu Pulau Bidong pernah menjadi tumpuan masyarakat antarabangsa dalam tahun-tahun 1970-an kerana di sinilah orang hanyut yang lari untuk menyelamatkan diri setelah tamatnya Peperangan Vietnam dalam tahun 1975.

Telah lama negeri Terengganu, sama seperti negeri-negeri Pantai Timur yang lain iaitu Kelantan dan Pahang ketinggalan arus pembangunan. Namun sejak petroleum dan gas asli ditemui di luar pantai Terengganu dalam tahun 1970-an,

negeri ini telah berkembang dengan pesat.

Terengganu sering dikenali sebagai Kuwait Timur. Hasil bumi tersebut telah membawa perubahan ekonomi secara mendadak kepada negeri ini.

Setelah berkurun-kurun negeri ini tersisih, kalau dikenali pun hanya sebagai negeri yang masyhur kerana industri perikanannya. Terengganu kini berada di ambang perubahan yang berkemungkinan akan mengubah segala yang sering kita gambarkan tentang Terengganu. Mungkin akan terus lenyap pantai-pantai yang suci bersih. Pulau-pulau yang indah di luar pantainya mungkin akan bertukar wajah dan berubah menjadi tempat mainan mereka yang berada sahaja.

Seringkali pembangunan yang pesat disertai keghairahan pihak-pihak yang tertentu untuk membina itu dan ini sejajar dengan apa yang dinamai permodenan. Keghairahan ini, jika tidak dirancang dengan rapi, akan mengubah keadaan alam semula jadi yang telah sekian lama wujud di tempat itu. Aset semula jadi ciptaan Tuhan ini kerapkali menjadi korban.

Arus pembangunan amat sukar disekat. Sudah tentu pihak yang mahu mengekalkan keadaan semula jadi anugerah Tuhan akan menuduh dan menyifatkan sebagai tamak kepada pihak yang mahukan pembangunan. Hal sebegini sering berlaku dalam negara yang sedang membangun. Oleh itu kita perlu imbangkan pandangan

kita. Pihak pemerintahan sememangnya menghadapi pilihan yang jauh lebih sukar - sama ada untuk terus mengekalkan keadaan semula jadi atau



Peta yang menunjukkan kedudukan Kuala Berang dan kedekatannya dengan Kampuchea dan Vietnam.

meningkatkan taraf hidup rakyat.

Memang tidak dapat kita nafikan lagi bahawa keindahan alam semula jadi Terengganu kini sudah terjejas. Banyak pantai yang dahulunya putih bersih, kini tidak seindah dahulu lagi. Pulau-pulaunya yang terkenal kerana keindahan pantai serta kejernihan airnya juga sudah tercela. Begitu juga

sumber mata pencarian kebanyakannya penduduknya yang telah sejak turun-temurun bergantung kepada laut. Untuk mencari nafkah hidup, banyak keluarga nelayan terpaksa berpaling ke darat.

Sejarah awal Terengganu bermula dengan kedatangan orang Melayu Proto penduduk yang berasal dari sebelah utara kawasan yang kini kita dikenali sebagai Kampuchea. Kehadiran pendatang ini telah menyebabkan penduduk asal negeri ini, iaitu orang asli

berpindah ke kawasan pedalaman. Perpindahan orang Melayu Proto dari Kampuchea ini dijangka telah berlaku kira-kira 4,000 tahun dahulu iaitu antara 2500 - 1500 Sebelum Masihi.

Orang Melayu Proto ini telah pun mempunyai cara hidup berkampung dan tahu bertani. Peradaban hidup seperti ini disebut Neolitik. Menurut ahli sejarah yang bernama Tweedie, rumusan ini dibuat berdasarkan andaian bahawa masyarakat yang mengamalkan kegiatan



ekonomi yang berdasarkan pertanian sudah tentunya mempunyai masa dan kelapangan untuk menghasilkan pelbagai peralatan untuk kegunaan harian di samping menghasilkan barang kesenian pelbagai jenis dan kualiti. Cara hidup ini amat berbeza daripada cara hidup masyarakat Hoabinhian yang tinggal dalam gua-gua dan hidup dengan cara berburu dan mengumpul makanan.

Pendatang ini tinggal di lembah-lembah dan muara-muara sungai. Dari aspek geologinya pula, Terengganu tidak mempunyai tanah yang begitu subur di kawasan pantainya. Jadi pendatang ini telah membuka petempatan di kawasan pedalaman sedikit. Namun begitu, kawasan pantai masih mudah dihubungi melalui sungai.

Negeri Terengganu mempunyai beberapa batang sungai utama iaitu Sungai Besut, Sungai Setiu, Sungai Terengganu, Sungai Dungun, Sungai Paka dan Sungai Kemaman yang semuanya berkedudukan sejarah dan mengalir dari bahagian hulu menghala ke pantai.

Tinggalan orang dahulu kala yang ditemui di Kuala Berang, Hulu Dungun, Bukit Jong menguatkan lagi dakwaan ini. Tinggalan sejarah dari era ini juga ditemui di Hulu Tembeling. Daerah ini dapat dihubungi dengan mudah melalui sungai dari Hulu Terengganu. Tinggalan yang sama juga didapati di Gua Cha, Kelantan. Dari artifak sejarah yang ditemui, jelas terbukti salah satu tanaman utama mereka adalah padi.

Negeri Terengganu yang kita kenali sekarang ini dikatakan telah wujud sejak awal lagi, sebelum Melaka dibuka. Ini terbukti daripada kesan-kesan

peninggalan sejarah yang ditemui di negeri ini, terutamanya dengan penemuan batu bersurat di Kuala Berang.

Pada batu bersurat yang ditemui di

#### **Laksamana Cheng Ho**

Nama sebenarnya ialah Ma Ho. Bapanya seorang haji yang dikatakan berseturunan daripada Gabenor Mongol yang terakhir di Yunan. Beliau juga dikatakan mempunyai pertalian darah dengan Putera Muhammad dari Bokhara, Parsi.

Dalam tahun 1381, Yunan, wilayah takluk Mongol yang terakhir, jatuh semula ke tangan China. Ketika itu Ma Ho baru berusia 10 tahun. Dia telah ditangkap dan dikerak menjadi pembantu dalam pasukan tentera kerajaan Ming.

Ma Ho menunjukkan kecermerlangan dalam menjalankan tugasnya. Kepintaran serta kebolehananya telah mendapat perhatian para pembesar kerajaan.

Pada tahun 1402, Maharaja Yung Lo menaiki takhta kerajaan Ming. Baginda ingin membawa China ke mercu kegemilangan sekali lagi dengan memulihkan semula ekonomi China yang telah hampir lumpuh akibat pemerintahan kurang cekap kerajaan Mongol.

Polisi terbuka yang diasaskan oleh Maharaja Yung Lo dibuat atas dasar untuk mengembalikan kedudukan China sebagai kuasa besar di rantau Asia.

Ma Ho, pada masa itu, sudah menjadi orang yang kuat istana Maharaja Yung Lo. Beliau telah diberi nama Cheng (sama seperti nama keluarga Maharaja Yung Lo sebagai satu penghormatan). Beliau telah diberi kepercayaan mengetuai pelayaran ke negara-negara jiran dengan tujuan menjalin persahabatan. Pelayarannya yang pertama dilakukan dalam tahun 1405. Dalam pelayaran yang pertama ini Cheng Ho sampai ke Champa (sekarang dinamai Vietnam), Siam, Jawa, Melaka dan Sri Lanka.

Kesemuanya Laksamana Cheng Ho telah membuat tujuh pelayaran, dekat dan jauh, hingga ke Pantai Timur benua Afrika dan Teluk Parsi.

Laksamana Cheng Ho meninggal dunia dalam tahun 1435.

Sungai Tersat, Kuala Berang itu tercatat tahun 702 Hijrah, bersamaan tahun Masihi 1303. Khazanah sejarah ini sebenarnya sekutu batu granit berbentuk empat segi yang berukir tulisan. Ukuran tinggi batu ini ialah 84 sentimeter; lebarnya di bahagian atas ialah 53 sentimeter dan di bahagian bawah 27 sentimeter. Berat batu ini ialah 215 kilogram. Pada kesemua empat penampangnya diukir tulisan Jawi yang menggunakan campuran bahasa Sanskrit dan bahasa Melayu.

Tarikh yang terukir pada batu bersurat Terengganu ini adalah satu-satunya tarikh yang diterima secara rasmi sebagai tarikh kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu. Pada batu itu dirakam sepuluh hukum serta denda yang akan dikenakan ke atas mereka yang mengingkarinya. Hal ini membuktikan bahawa undang-undang Islam mula digunakan di Tanah Melayu sejak abad keempat belas lagi.

Walau bagaimanapun, pemerintahan Terengganu pada zaman silam sebelum tahun 1700-an masih tidak dapat diketahui dengan jelas. Beberapa buku sejarah yang ditulis sebelum abad ketujuh belas ada menyebutkan nama Terengganu. Antaranya ialah catatan yang dibuat oleh Chao Ju Kua, seorang pegawai tinggi kerajaan Maharaja China pada masa itu. Menurut Chao dalam catatannya *Chu Fan Chi*, yang ditulis sekitar tahun 1225, Terengganu bersama-sama dengan Langkasuka, Pahang dan Kelantan terletak di bawah

taukuk kerajaan Palembang di Sumatera.

Satu catatan lain yang terdapat di dalam syair Jawa, *Negarakertagama* yang ditulis dalam tahun 1365 oleh sami Buddha Prapanca, ada menceritakan bahawa Terengganu serta daerah Dungun tertakuk di bawah



Penampang pertama Batu Bersurat Terengganu.

kerajaan Majapahit.

Catatan orang China pada masa Dinasti Sui ada menyebut tentang sebuah negeri yang dinamai *Tan-tan* yang menghantarkan ufti ke China. Seorang pakar ilmu alam dan sejarah, Paul Wheatley merumuskan bahawa negeri yang dimaksudkan di dalam catatan China itu mungkin berkerajaan di Kuala Besut atau Kuala Terengganu.

Catatan-catatan ahli sejarah China pada zaman silam menggambarkan bahawa penduduk negeri Terengganu menganut agama Buddha. Negeri

Terengganu makmur dan penduduknya lebih daripada 20 000 orang. Raja yang memerintah negeri ini dikatakan dibantu oleh lapan orang menteri utama.

Daripada bahan-bahan bertulis dari negeri China itu negeri Terengganu disebut dengan berbagai-bagai nama. Seorang pengarang China yang terkenal iaitu Chao Chu-fei pernah menyebut nama Terengganu sebagai *Teng-Ya-Nu*. Kuala Berang yang disebut sebagai *Foloan*, dikatakan pernah menjadi pusat perniagaan utama di Asia Tenggara kira-kira dalam abad kedua belas. Jelas catatan itu lagi, Foloan yang terletak di tebing Sungai Terengganu

bahawa, Kuala Berang pada masa itu diduduki oleh penganut Buddha. Catatan yang dinamai *Ling Wai Tai-ta* yang disusun sekitar tahun 1180-an itu ada menyebut bahawa di tempat itu terdapat dua patung Buddha, satu bertangan enam dan yang satu lagi bertangan empat. Lanun-lanun yang berkeliaran di perairan itu ingin mendapatkan patung emas dan perak ini tetapi gagal kerana kerap kali niat mereka itu dipatahkan oleh angin yang kencang. Kata penulis catatan itu lagi, ini adalah pengaruh dua patung tersebut.

Dakwaan Chao Chu-fei itu tidak dapat diterima bulat-bulat kerana kita tahu antara bulan-bulan Oktober dan Januari, Terengganu dan negeri-negeri Pantai Timur yang lain dilanda angin monsun! Jelas lanun-lanun itu tertewas oleh keadaan cuaca dan alam. Hakikatnya, Kuala Berang sememangnya didatangi pelbagai



Perahu besar yang kini dipulihara oleh Lembaga Muzium negeri Terengganu. Tiang layar agung perahu ini mencapai 20 meter (kira-kira 60 kaki). Perahu ini pernah digunakan oleh kerajaan Terengganu untuk membawa bunga emas ke Siam. Dalam perjalanan pulang, garam dan kayu menjadi muatan.

dapat dijejaki dalam masa empat hari dari *Ling-Ya-Ssu-Chia* (Langkasuka) Berasaskan catatan ini lagi, beberapa ahli sejarah telah membuat rumusan

pedagang asing pada zaman itu. Barangani seperti kayu gaharu, kayu laka, gading bermutu tinggi dan sebagainya ditukar untuk mendapatkan

emas dan perak.

Sehingga akhir tahun 1970-an masih terdapat sebuah perkampungan tua orang Cina di kawasan pedalaman Kuala Berang. Kewujudan kampung ini menguatkan lagi hakikat yang cuba diketengahkan oleh beberapa ahli sejarah yang Kuala Berang zaman dahulu pernah didiami oleh mereka yang kuat berpegang kepada ajaran

tempat lain seperti *Ki-Lan-Tan* (Kelantan) juga ada disebut oleh Chao Ju Kuang dalam catatan tersebut.

Wang Ta-yuan pengembara dan pengarang China dalam bukunya yang ditulis dalam tahun 1349, menceritakan demikian: *Ting-cia-lu* adalah sebuah pulau berbentuk tiga segi; tercerai daripada daerah jirannya oleh sebatang sungai. Sungai itu amat penting untuk



Istana Maziah.

Buddha.

Pengembara China, Chao Ju Ku dalam catatan yang ditulisnya pada tahun 1225, ada menyebut *Teng-Ya-Nong* sebagai sebuah pelabuhan perdagangan yang penting di persisiran pantai timur Tanah Melayu. Tempat-

perjalanan di air. Pulau itu tinggi dan sunyi keadaannya. Tanahnya tidak subur. Walaupun begitu, orang yang sehabis-habis miskin sekalipun cukup makanan. Pada musim bunga (di negeri China), pulau ini dilanda hujan yang lebat. Cuacanya panas.

## **Salasilah Kesultanan Terengganu Darul Iman**



**Sultan Yang Pertama** 1725-33

Tun Zainal Abidin Paduka Maharaja  
(Sultan Zainal Abidin I)

**Sultan Yang Kedua**

Raja Mansur Yang Dipertuan Kecil

Bendahara Tun Hussein diamanah memerintah negeri dari 1733 - 1740 kerana Yang Dipertuan Kecil masih muda ketika ditabalkan selepas kemangkatan Sultan Zainal Abidin I.

Dalam tahun 1740, Raja Mansur Yang Dipertuan Kecil ditabalkan sebagai sultan yang kedua. Baginda mengambil gelaran Sultan Mansur Shah. Baginda memerintah hingga tahun 1793.

**Sultan Yang Ketiga** 1793-1808

Sultan Zainal Abidin II

**Sultan Yang Keempat** 1808-1830

Sultan Ahmad Shah I

**Sultan Yang Kelima** 1830 (enam bulan sahaja)

Tengku Abdul Rahman

**Sultan Yang Keenam** 1830 (satu bulan sahaja)

Sultan Daud

**Sultan Yang Ketujuh** 1830

Sultan Mansur Shah II

<b>Sultan Yang Kelapan</b>	1830
Sultan Muhammad I	
<b>Sultan Yang Kesembilan</b>	1839 - 1876
Sultan Umar	
<b>Sultan Yang Kesepuluh</b>	1876 - 1881
Sultan Ahmad Shah II	
<b>Sultan Yang Kesebelas</b>	1881 - 1918
Sultan Zainal Abidin III	
<b>Sultan Kedua Belas</b>	1918
Sultan Muhammad Shah II	
(Baginda menyerahkan takhta kerajaan Terengganu kepada adinda baginda, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah)	
<b>Sultan Yang Ketiga Belas</b>	1918 - Pemerintahan Jepun
Tengku Sulaiman	
(Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah)	
<b>Sultan Yang Keempat Belas</b>	Dilantik dalam zaman Pemerintahan Tentera Jepun
<b>Sultan Ali</b>	
(Kedaulatan Sultan Ali tidak diiktiraf selepas Pendudukan Jepun. Hingga akhir-akhir ini Sultan Ali telah membawa kes kedaulatan serta hak istimewa yang harus dikurniakan kepadanya ke mahkamah. Tuntutan beliau untuk mendapat pencen seumur hidup serta hak-hak istimewa tidak diterima oleh pihak mahkamah. Sultan Ali meninggal dunia pada awal tahun 1996)	
<b>Sultan Yang Kelima Belas</b>	1949 - 1980
Sultan Ismail Nasiruddin Shah	
<b>Sultan Yang Keenam Belas</b>	1981 -
Sultan Mahmud al-Muktafi Billah Shah	

Menurut Wang Ta-yuan lagi, penduduk di sini memuja patung-patung yang mereka ukir daripada kayu. Kepada patung-patung itulah mereka mempersembahkan darah orang yang dikorbankan untuk tujuan tersebut.

Selain *Ting-cia-lu*, sebutan-sebutan lain yang diperoleh daripada bahan-bahan bertulis dari China termasuk *Teng-Ka-Le*, *Teng-Ya-Nung*, *Ting-Ke-Neu*, *Ting-Ke-Leu*, *Ting-Kia-Le* dan *Ting-Chia-Lew*. Adakalanya Terengganu disebut *Ting Chia Nsia Lu* seperti dalam carta *Wu Peh Chih* yang disediakan oleh Laksamana Cheng Ho.

Terengganu juga terdapat dalam peta Linschoten (1623) dengan nama *Terengenaou*. Peta-peta selepas itu juga

memasukkan Tanah Melayu ialah peta yang dilukis oleh Ptolemy (Batlamus) di Alexandria (Iskandariah, Mesir) dalam abad kedua Masihi. Peta ini menunjukkan dua buah pelabuhan di pantai timur Tanah Melayu yang diberi nama *Perimoula* dan *Kele*. Ada pendapat yang mengatakan *Perimoula* terletak di kawasan kuala Sungai Terengganu sekarang dan *Kele* pula di kawasan kuala Sungai Kemaman.

Dalam buku *Sejarah Melayu*, ada tertulis bahawa Sultan Muhammad Melaka pernah menegakkan kuasa kerajaannya hingga ke Beruas, Perak di sempadan sebelah barat dan hingga ke Terengganu di sebelah timur. Dalam catatan yang lain pula dinyatakan



Jeti ke Pulau Duyung.

ada merakamkan nama-nama P. Capas (Pulau Kapas), P. Redan (Pulau Redang) dan Conciam (mungkin pulau yang dimaksudkan itu ialah Pulau Perhentian).

Antara peta-peta yang tertua yang

bahawa Sultan Mansur Shah telah menghantar puteranya yang sulung iaitu Raja Muhammad ke Pahang. Raja Muhammad dianugerahi kawasan pemerintahan yang menganjur dari Sedili Besar di Johor hingga ke

Terengganu.

Cerita tentang asal usul nama negeri Terengganu pula berbagai-bagai. Antaranya ialah cerita yang dikisahkan oleh Almarhum Sultan Umar, Sultan Terengganu yang kesembilan (1839-1876). Menurut cerita baginda, sebelum Terengganu mendapat namanya, satu rombongan pengembara dari Pahang datang berburu di kawasan yang kini dikenali sebagai Hulu Terengganu. Apabila rombongan itu sampai ke kawasan Sungai Terengganu Mati, seorang anggota rombongan itu telah terjumpa sebatang taring yang tajam lagi panjang. Kawan-kawannya berasa hairan melihat taring yang luar biasa itu.

"Taring apakah ini?" tanya seorang daripada mereka.

"Taring anu," jawab seorang lagi.

'Anu' ialah sebutan halus untuk memaksudkan benda yang tidak mahu

disebut secara terang-terang namanya. Orang Melayu zaman dahulu percaya bahwa di dalam hutan, seseorang itu tidak boleh menyebut nama binatang buas seperti harimau dan gajah. Jika disebut namanya, binatang buas itu mungkin akan mendengar seruan itu dan akan muncul di kalangan mereka.

Kumpulan pengembara itu kemudian terjumpa seekor rusa yang telah dibunuh. Mereka mengambil bangkai rusa itu untuk dibawa balik sebagai hasil perburuan. Apabila ditanya dari tempat mana mereka memperoleh hasil perburuan itu, mereka pun menjawab: "Dari tempat taring anu."

Ada pula ahli rombongan itu yang terjumpa kayu gaharu. Apabila mereka ditanya soalan yang serupa, mereka menjawab bahawa kayu itu dijumpai 'di tebing sungai taring anu'. Perkataan 'taring anu' itu sering disebut hingga



lama-kelamaan perkataan itu menjadi 'Terengganu'.

Kisah lain mengatakan bahawa 'Terengganu' berasal daripada ungkapan 'terang ganu' atau 'terang anu'.

Menurut satu cerita yang lain pula, pada masa dahulu pernah kelihatan dari kawasan yang didiami orang Kelantan satu cahaya berkilat yang memancar-mancar di kaki langit.

Cahaya yang terang itu kelihatan seperti petir yang menyambar kuat di kawasan hulu Sungai Terengganu. Kawasan itu menandakan sempadan negeri Kelantan dan negeri Terengganu. Untuk mengingatkan sempadan itu maka tempat itu dinamakan 'Terengganu' yang bermaksud 'terang hingga nu' (terang hingga nun di sana).

Satu cerita yang lain pula mengisahkan tentang sebatang taring yang lebih besar daripada gading gajah. Taring gergasi itu ditemui oleh sekumpulan pengembala di sebuah pulau yang terletak berhampiran dengan Pulau Duyung di muara sebatang sungai yang besar.

Oleh kerana taring itu sangat luar biasa rupanya, ketua kumpulan itu menyerahkannya kepada raja. Baginda bertanya: "Taring apakah itu?"

Dengan tergesa-gesa mereka menjawab: "Taring anu, Tuanku."

Semenjak itu sungai itu digelar 'Sungai Taring Anu'.

Cerita lain pula mengatakan bahawa nama Terengganu wujud daripada peristiwa pengembalaan tiga anak raja dari Johor. Mereka bernama Tok Teja, Tok Puteri dan Tok Penghulu Bukit (Tok Bukit).

Ketiga-tiga anak raja itu berserta

dengan pengikut mereka menggali tanah di suatu kawasan yang berhampiran dengan suatu kuala sungai. Ketika menggali, tiba-tiba mereka terjumpa taring yang menyerupai gading gajah. Mereka berpandangan antara satu sama lain. Kemudian serentak mereka berkata, "Taring anu!"

Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa nama Terengganu diambil daripada kalimat Tamil, *Teranggani* yang bererti 'tanah bukit'. Nama tersebut dikatakan diberi oleh orang Tamil yang telah sampai ke negeri ini pada masa dahulu. Dari laut, ketika menyusuri sepanjang pantai negeri ini, mereka hanya melihat keadaan rupa bumi yang berbukit-bukau. Lantaran itu mereka menyebut tempat itu sebagai *Terenggani*. Namun, pada batu bersurat yang ditemui, nama negeri ini tercatat sebagai *Terenkanu*.

Cerita lain pula mengaitkan kedatangan satu rombongan dari Kelantan yang belayar ke Kuala Terengganu. Tatkala mereka sampai di Kuala Terengganu, keadaan cuaca tiba-tiba bertukar menjadi redup dan hujan pun turun dengan lebatnya. Akan tetapi, hujan itu tidak lama dan sejurus kemudian matahari pun terbit semula. Satu jambatan pelangi terbentuk di langit. Pelangi itu dapat dilihat dengan jelas sekali.

Sesetengah ahli rombongan Kelantan itu bertanya akan panggilan pelangi itu. Penduduk tempatan memberitahu bahawa pelangi itu dipanggil *ganu*. Apabila orang Kelantan itu pulang ke kampung halaman, mereka menceritakan bagaimana terangnya *ganu* di negeri yang telah mereka lawati itu. Semenjak itu negeri

itu dikenali sebagai Terengganu.

Nama Terengganu juga mungkin terbit daripada nama sungai, Sungai Terengan. Pada masa dahulu, Terengan juga nama sebuah kampung terkenal di Hulu Terengganu. Adalah dipercayai bahawa di sinilah kerajaan Terengganu yang pertama ditubuhkan.

Oleh kerana Sungai Terengan itu berpecah dua, orang yang berperahu

Sejarah Kesultanan Terengganu bermula pada awal abad kelapan belas. Sultan Terengganu yang pertama ialah Tun Zainal Abidin Paduka Maharaja, bergelar Sultan Zainal Abidin I (1725-1733). Baginda dikatakan berasal daripada keturunan Seri Maharaja Johor iaitu Bendahara Johor yang kesembilan belas. Menurut catatan sejarah, bendahara Johor itu adalah cicit kepada Tun Hassan Temenggong iaitu anak Bendahara Seri Maharaja yang bernama Tun Mutahir.

Apabila Sultan Zainal Abidin I mangkat, takhta Terengganu diwarisi oleh putera bongsu baginda iaitu Raja Mansur, yang mengambil gelaran Dipertuan Kecil. Semasa baginda ditabalkan, Raja



Muzium Terengganu dibina mengikut seni bina rumah tradisional Terengganu.

berulang-alik ke Kampung Terengan itu selalu menyebut 'hendak ke Terengan nu' (hendak pergi ke Terengan yang di sana). Akhirnya kampung itu diberi nama Terengganu.

Hakikat bahawa petempatan terawal di Terengganu bermula di daerah pedalaman (Hulu Terengganu) semakin nyata apabila beberapa jenis barang purba yang dipercayai berusia 2,000-3,000 tahun telah dijumpai di Gunung Taat, berhampiran dengan Tasik Kenyir.

Mansur baru berusia tujuh tahun. Oleh itu, segala urusan pentadbiran telah diama-nahkan kepada Bendahara Tun Hussin.

Enam tahun kemudian iaitu pada tahun 1739, Yang Dipertuan Kecil berkahwin dengan Raja Bakul dari Riau. Raja Bakul ialah puteri Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Pada tahun 1740, Yang Dipertuan Kecil ditabalkan sebagai Sultan Terengganu yang kedua dan memakai gelaran Sultan Mansur Shah I.

Sultan Terengganu yang ketiga ialah Sultan Zainal Abidin II. Baginda memerintah dari tahun 1793 hingga ke tahun 1808. Pemerintahan baginda tidak berapa baik berbanding dengan dengan zaman pemerintahan ayahanda baginda. Semasa pemerintahan baginda telah berlaku perperangan saudara kerana merebut kuasa. Pertelingkahan adalah di antara kerabat diraja Kelantan dan kerabat diraja Terengganu.

Sultan Terengganu yang keempat ialah Tengku Ahmad, putera Sultan Zainal Abidin I. Baginda dibatalkan pada tahun 1808 dan bergelar Sultan Ahmad Shah I. Sebagai sultan, baginda sangat mengambil berat tentang kemajuan negeri Terengganu. Baginda adalah Sultan Terengganu yang pertama menghapuskan jawatan bendahara, yakni setelah Bendahara Tun Hussin

perlombongan bijih besi. Hasil perlombongan bijih besi ini membawa keuntungan yang banyak. Pendapatan negeri Terengganu bertambah dan hal ini telah menarik minat British dan Siam. Kedua-dua kuasa ini berusaha untuk menakluk negeri Terengganu.

Sultan Ahmad Shah I mangkat pada tahun 1830 dan baginda digantikan oleh Tengku Abdul Rahman. Sultan Terengganu yang kelima tidak lama memerintah. Baginda mangkat kira-kira enam bulan selepas menaiki takhta.

Sultan Terengganu yang keenam ialah Sultan Daud. Baginda hanya memerintah selama lebih kurang sebulan sahaja. Baginda digantikan oleh Sultan Mansur Shah II, sultan Terengganu yang ketujuh. Sultan Mansur adalah putera kepada Sultan Zainal Abidin II dan ayahanda saudara



Pasar Besar Kedai Payang.

meninggal dunia.

Sultan Ahmad Shah I memberi perhatian yang lebih terhadap

kepada almarhum Sultan Daud.

Sultan Terengganu yang kelapan ialah Sultan Muhammad I. Baginda



*Rumah tradisional Terengganu di Kampung Raja, Besut. Rumah tua ini sedang dibaik pulih kepada keadaan asalnya.*

disusuli oleh Sultan Umar (1839-1876). Sultan Terengganu yang kesembilan. Sultan Umar mengambil berat tentang kemajuan negeri dan kebaikan rakyat. Pada zaman pemerintahan baginda, beberapa batang jalan raya dibina di Kuala Terengganu, dan laluan jalan-jalan itu wujud hingga ke hari ini.

Semasa pemerintahan baginda juga, sistem pentadbiran negeri telah diperkemas. Negeri Terengganu dibahagikan kepada beberapa buah daerah yang tiap-tiap satunya ditadbirkan oleh seorang Datuk. Daerah pula dibahagikan kepada beberapa bahagian yang diletakkan di bawah perhatian Datuk Muda.

Sultan Umar mangkat pada tahun 1876. Sultan Terengganu yang kesepuluh ialah Sultan Ahmad Shah II. Baginda memerintah selama enam tahun dan mangkat pada tahun 1881. Takhta Terengganu diwarisi oleh putera baginda Tengku Zainal Abidin yang ditabalkan sebagai Sultan Terengganu

yang kesebelas dengan gelaran Sultan Zainal Abidin III.

Sultan Zainal Abidin III terkenal sebagai sultan yang mempunyai peribadi yang terpuji. Baginda adalah sultan yang alim dan boleh bertutur dalam bahasa Arab. Baginda mengambil berat tentang usaha mengembangkan ilmu pengetahuan kepada rakyat jelata.

Pada zaman pemerintahan baginda, Terengganu dikatakan mengalami pembangunan yang pesat. Bilangan penduduk negeri Terengganu juga bertambah dengan cepat sekali. Negeri Terengganu pada masa itu dibahagikan kepada tiga belas daerah iaitu Besut, Setiu, Sungai Nerus, kawasan dari Kuala Telemong ke Kuala Terengganu, Sungai Telemong, kawasan Kuala Telemong ke Jeram Kelemang, kawasan Jeram Kelemang ke hulu, Marang, Mercang, Dungun, Kerteh, Kemasik dan Kemaman (dan Kijal). Daripada pembahagian daerah itu, dapat dilihat bahawa kawasan Hulu Terengganu

merangkumi beberapa daerah. Ini membayangkan taburan penduduk di daerah itu amat berselerak.

Pada masa itu kerajaan Terengganu telah mempunyai mata wang sendiri yang dinamai 'keping' dan 'pitis'. Wang itu diperbuat daripada timah dan bentuknya bulat dan leper. Pada masa itu cukai dikenakan ke atas rakyat. Cukai itu dinamakan 'banci' dan 'serah'-juga disebut sebagai cukai kepala.

Pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III juga banyak pedagang dari negeri lain datang untuk berdagang di Kuala Terengganu. Tempat-tempat yang dijadikan kawasan perdagangan ialah di sekitar Kedai Hilir, Kedai Payang dan Kampung Cina.

Kapitan Cina di Terengganu memperkenalkan mata wangnya sendiri yang dinamai jukoh. Dalam tahun 1893, telah diwujudkan alat sukatan

*Sebuah perahu yang sedang dibina di Seberang Takir.*

seperti gantang, cupak, leng dan timbangan dacing. Seorang merinyu telah dilantik bagi melaksanakan peraturan sukatan dan timbangan itu.

Sebuah mahkamah telah ditubuhkan untuk memastikan undang-undang dapat dilaksanakan secara lebih adil dan teratur. Mahkamah itu dikendalikan oleh ketua Jabatan Mahkamah, pembantuannya dan seorang penasihat sulit sultan. Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu diwujudkan. Sebuah penjara turut dibina.

Berbagai-bagi peristiwa lain berlaku semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III. Antaranya ialah pemberontakan Tengku Abdul Rahim yang merebak menjadi perang saudara. Hubungan persahabatan dengan kerajaan Siam juga telah dijalankan. Hubungan itu menghendakkan baginda menghantar ufti berupa 'Bunga Emas' tiap-tiap tiga tahun sekali.

Pada 22 April 1910, Sultan Zainal Abidin III





Kawasan perindustrian di Kertih.

menandatangi perjanjian persahabatan dengan Inggeris.

Pada penghujung tahun berikutnya alat perhubungan telefon mula digunakan di Terengganu. Pemasangan telefon yang pertama itu menghubungkan pejabat istana sultan dengan pejabat pos dan rumah kediaman wakil British.

Sultan Zainal Abidin III mangkat pada 26 November 1918 dan almarhum baginda telah digantikan oleh putera baginda, Raja Muda Tengku Muhammad. Sultan Terengganu yang kedua belas ini mengambil gelaran Sultan Muhammad Shah II.

Setelah memerintah selama enam bulan, baginda menyerahkan takhta Terengganu kepada adinda baginda iaitu Tengku Sulaiman. Tengku Sulaiman yang menjadi Sultan Terengganu yang ketiga belas memakai gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah.

Di bawah pemerintahan baginda, satu kekacauan telah berlaku di Kuala Berang. Kekacauan itu disebabkan

timbulnya rasa tidak puas hati di kalangan orang kampung kerana cukai tanah yang dikenakan. Walau bagaimanapun, baginda dapat mengatasi masalah itu. Apabila Jepun menduduki Tanah Melayu, baginda tidak lagi mempunyai kuasa mutlak ke atas negeri Terengganu.

Sultan Terengganu yang keempat belas, Sultan Ali dilantik oleh Jepun. Namun kedaulatan Sultan Ali tidak diiktiraf selepas Jepun berundur dari Tanah Melayu akibat tamatnya Perang Dunia II.

Sultan Terengganu yang kelima belas ialah Sultan Ismail Nasiruddin Shah (1949-1980). Baginda dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang kelima. Banyak perubahan yang berlaku semasa tempoh pemerintahan baginda. Punca perubahan itu ialah penemuan simpanan minyak dan gas di luar pantai Terengganu.

Sultan yang memerintah

Terengganu sekarang ialah sultan yang keenam belas iaitu Sultan Mahmud al-Muktafi Billah Shah. Baginda ditabalkan pada 16 Mac 1981.

Negeri Terengganu terkenal dengan seni budaya dan kraf tangannya yang menarik. Pelbagai jenis hasil kesenian dapat kita lihat di negeri ini.

Salah satu tarian asli Terengganu yang terkenal ialah *tarian ulit mayang*. Tarian ulit mayang pada asalnya ialah sebuah tarian pemujaan. Alat utama yang digunakan untuk tujuan pemujaan itu ialah mayang pinang. Semasa melakukan tarian ini, mayang pinang digoncang-goncangkan di atas asap kemenyan.

Bilangan penari yang mengambil bahagian antara sepuluh hingga lima belas orang. Biasanya tarian ulit mayang diadakan dalam temasya memuja pantai. Tarian ini diiringi dengan nyanyian berpantun. Pantun-pantun yang dinyanyikan itu mengandungi kata-kata pemujaan.

Satu lagi tarian yang terkenal di Terengganu ialah *tarian rodat*. Pada mulanya tarian ini diperselambahan dalam majlis-majlis yang berkaitan dengan upacara keagamaan sahaja. Akan tetapi, sekarang tarian ini turut dipertontonkan di majlis perkahwinan sebagai satu persembahan seni kebudayaan.

Lazimnya, sebuah bangsal didirikan khas untuk tarian ini. Penari-penari menari sambil mendendangkan lagu dengan seni katanya memuji nabi-nabi dan para sahabat baginda. Lagu-lagu yang didendangkan itu berirama lagu-lagu padang pasir.

Penari-penari tarian rodat dibahagikan kepada dua kumpulan.

Kumpulan pertama seramai sepuluh orang menari sambil membawa rebana. Kumpulan yang kedua pula dipanggil pelenggok. Dua kumpulan ini menari secara bergilir-gilir.

*Tarian saba* juga sejenis tarian untuk mengubati penyakit, seperti main puteri. Tarian ini diminati oleh masyarakat Hulu Terengganu yang pada masa dahulu mengamalkan kepercayaan animisme. Perkataan 'saba' ialah nama yang diberi kepada pokok yang diperbuat daripada pucuk kelapa muda, dan merupakan alat pemujaan utama dalam tarian ini.

Lazimnya penari-penari tarian saba terdiri daripada empat wanita dan tiga lelaki. Temasya menari tarian saba biasanya diadakan selama tiga hari tiga malam. Pada malam pertama, kononnya dipanggil segala jenis hantu dan jembalang. Tarian diteruskan pada malam kedua. Pada malam terakhir persembahan ini mencapai kemuncaknya dan tarian ini diteruskan hingga subuh.

Walau bagaimanapun, kepercayaan kepada pelbagai jenis hantu yang dipuja dalam tarian tersebut sudah tidak wujud lagi. Kini tarian ini cuma diadakan sebagai tarian rakyat Hulu Terengganu untuk mengisi atur cara keramaian.

*Tarian balai* juga berunsurkan pemujaan. Tarian ini bertujuan menghalang sebarang bencana terutamanya apabila padi yang disemai mula bercambah. Gerak tarinya melambangkan kegiatan orang sedang mengerjakan sawah padi. Kumpulan penari yang terdiri daripada gadis-gadis petani menari mengelilingi balai yang berbentuk seperti payung panjang. Payung ini adalah lambang semangat

padi yang dipuja.

Satu lagi tarian yang terkenal di negeri Terengganu ialah *tarian gayung otar-otor*. Tarian ini bersifat pencah silat pahlawan. Tarian ini dipersembahkan secara berpasangan oleh penari-penari lelaki sahaja. Mereka menggunakan dua jenis alat iaitu pedang yang diperbuat daripada rotan dan perisai yang diperbuat daripada kayu pulai.

Dua baris penari bergerak secara serentak dan saling 'menyerang' apabila berdekatan. Kemudian kedua-dua baris penari itu berundur. Setiap gerakan mereka jelas memperlihatkan kesatuan, berbaris sama tidak berpecah. Alat-alat muzik yang digunakan bagi mengiringi tarian ini ialah gong dan gendang. Mereka mengenakan pakaian seragam seperti ahli silat.

Permainan gasing juga popular di kalangan penduduk negeri ini pada suatu masa dahulu. Tiga jenis gasing yang terkenal ialah gasing uri, gasing leper dan gasing pangkah. Permainan gasing uri terkenal di Besut, sementara gasing leper dan gasing pangkah pula lebih popular di Kuala Terengganu.

Di negeri Terengganu dapat dilihat pelbagai jenis perahu nelayan. Jenis-jenis perahu tempatan termasuk kolek, setak, sekoci, jalur dan yang terkenal sekali, perahu payang. Tempat-tempat membuat perahu yang mayshur di Terengganu termasuk Kampung Losong, Duyung, Teluk Pasu dan Pulau Rusa.

Negeri Terengganu juga terkenal kerana industri kotej seperti pembuatan batik, songket, seni ukir kayu dan

barang-barang tembaga.

Antara bangunan yang terkenal di Terengganu ialah Istana Maziah. Istana ini dibina untuk menggantikan Istana Hijau, sebuah istana lama yang telah terbakar. Di dalam istana ini terdapat beberapa banyak ukiran kayu yang cantik. Istana ini digunakan untuk mengadakan majlis-majlis diraja seperti majlis perkahwinan diraja dan penganugerahan bintang-bintang dan pingat kebesaran.

Menurut sejarah, Istana Maziah dibina daripada kapur putih dengan tanah liat dan garam pasir yang ditumbuk hingga lumat. Bahan tersebut dicampur pula dengan putih telur serta manisan supaya lebih teguh apabila kering.

Masjid Abidin terletak di tengah-tengah bandar Kuala Terengganu. Masjid ini juga dikenali sebagai Masjid Besar dan Masjid Putih. Masjid ini dibina oleh Sultan Zainal Abidin II dengan menggunakan kayu. Batu bata cuma digunakan apabila masjid ini dibina semula semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III.

Pantai dan pulau-pulau di negeri Terengganu telah sekian lama menarik minat pelancong. Tempat-tempat seperti Rantau Abang, Batu Buruk, Chendering dan Bukit Keluang merupakan tempat yang paling terkenal kerana pantainya yang cantik. Pulau Perhentian Kecil/Besar, Redang dan Pulau Kapas merupakan tiga pulau percutian yang paling popular di Terengganu.

# BESUT

Daerah Besut adalah daerah yang paling ke utara di negeri Terengganu. Daerah ini bersempadan dengan Jajahan Pasir Putih di Kelantan. Sempadan di antara Terengganu dan Kelantan dikatakan telah ditetapkan pada tahun 1913.

Bandar-bandar utama di daerah Besut ialah Jerteh, Kampung Raja (ibu daerah), dan Kuala Besut.

Daerah Besut dikenali sebagai jelapang padi

Terengganu. Sistem tali air Besut adalah sistem pengairan yang ketiga terbesar di Malaysia selepas Sistem Pengairan Muda di Kedah dan Sistem Pengairan Kemubu di Kelantan. Selain itu, daerah Besut mempunyai beberapa tempat perkelanian yang menarik. Antaranya ialah Bukit Keluang, Pulau Perhentian dan Hutan Lipur Temakah di Hulu Besut.

Mengikut cerita orang tua-tua, nama Besut adalah

*Pekan Jerteh, pekan paling besar di daerah Besut.*



terbitan daripada nama ketua orang asli suku Pangan yang menduduki kawasan ini. Namanya dikatakan Pak Sut. Menurut cerita orang tua-tua lagi, walaupun diduduki sebahagian besarnya oleh orang asli suku Pangan, ketua yang memerintah daerah ini khabarnya seorang lanun yang bergelar Raja Sang Nyana. Melihatkan keadaan di persisiran

### Kampung Payang Setiu.

Orang Melayu yang datang menetap di situ selepas kunjungan Encik Wan tidak diketahui tempat asalnya. Ada pendapat yang mengatakan mereka berasal dari Pattani dan Kelantan, dan ada pula yang mengatakan mereka berasal dari Champa (kini Vietnam) dan Kemboja. Memandangkan kedudukan kedua-dua



*Kampung nelayan  
di Kuala Besut.*

Besut, dakwaan ini sememangnya boleh diterima kerana terdapat banyak pulau seperti Pulau Ru dan juga gua-gua batu di daratan seperti di dalam Bukit Keluang dan dijangka amat sesuai dijadikan tempat perlindungan kepada lanun-lanun. Keadaan ini bertukar dengan kedatangan orang Melayu.

Ketua orang Melayu yang berdagang ke daerah itu dikatakan bernama Encik Wan. Dia telah mengetui sekumpulan pedagang dari Patani. Beliau dikatakan berasal dari Sumatera. Encik Wan adalah datuk yang keenam kepada bekas imam

wilayah Indo-China ini, dakwaan ini tidaklah begitu sukar untuk kita terima. Walau bagaimanapun, rata-rata penduduk Besut sekarang bertutur dalam lohat Melayu Kelantan. Hakikat ini menguatkan lagi dakwaan yang pertama itu.

Menurut ceritanya lagi, ketika Encik Wan tiba di situ daerah itu didiami oleh orang Pangan. Ketua mereka bernama Pak Wong. Pak Wong dikatakan telah bersetuju untuk menyerahkan kawasan yang diperintahnya itu kepada orang Melayu yang diketuai oleh Encik Wan. Persetujuan itu melibatkan pertukaran

harta. Setelah beberapa lama berbincang, akhirnya Besut bersetuju menyerahkan tanah yang diduduki oleh suku kaumnya dengan balasan segantang mata kail dan batu permata. Kemudian Besut bersama-

yang dinamai Pak Wong, bersempena dengan nama ketua orang asli Pangan yang menyerahkan Besut kepada Encik Wan dan pengikut-pengikutnya.

Kini Besut telah berkembang sebagai

*Jeti ke Pulau  
Perhentian di Kuala  
Besut.*



sama anak buahnya berpindah ke hulu, berhampiran Lubuk Bida. Cik Latiff menamakan kawasan petempatan baru untuk dia dan anak buahnya itu Besut, bersempena dengan nama ketua masyarakat Pangan tersebut.

Rundungan tersebut dikatakan telah diadakan di kawasan yang kini dinamai Kampung Nail. Kampung Nail dinamai bersempena perkataan kail, iaitu barang yang diberikan kepada Pak Wong serta pengikutnya sebagai pampasan untuk meninggalkan kawasan yang mereka diami itu. Tidak jauh dari Kampung ini terdapat perkampungan

daerah yang penting. Namanya juga dikenali banyak pelancong yang datang dari seluruh dunia untuk melancong ke Pulau Perhentian. Selain menjadi pusat penting bagi pelancong, Besut merupakan salah sebuah pusat perikanan yang utama di Pantai Timur.

Di sini juga terdapat Markas Skuadron Angkatan Tentera Udara Malaysia. Besut dikenali sebagai 'jelapang padi negeri Terengganu, kerana di sini terdapat sawah padi yang amat luas. Rancangan Pengairan Besut adalah yang ketiga terbesar di Malaysia selepas Rancangan Muda di Kedah dan Kemubu di Kelantan.

# BUKIT BESI

*Hanya cerobong asap ini yang tinggal bagi mengingatkan kita akan adanya aktiviti perlombongan bijih timah di sini pada suatu masa dahulu.*

Sekitar tahun 50-an dan 60-an, Bukit Besi yang terletak di daerah Dungun terkenal dengan lombong bijih besinya. Lombong itu merupakan salah satu kawasan perlombongan bijih besi yang terbesar di Asia Tenggara pada masa itu.

Sejarah penemuan bijih besi di kawasan ini bermula daripada kisah tiga orang sahabat yang

pergi mencari rotan di kawasan hutan di situ. Mereka adalah Daud, Kassim dan Sulaiman. Setelah sekerat hari berjalan meredah hutan, mereka sampai di kaki sebuah bukit yang curam. Di situ mereka berhenti untuk berehat sambil memakan bekal yang mereka bawa. Daud ternampak sekutul batu sederhana besar di umbi




sebatang pohon. Pada fikirannya, batu itu cukup sesuai untuk dijadikan alas punggung sewaktu makan. Daud pun meletakkan rotan dan bekalan yang digalasnya itu lalu pergi untuk mendapatkan batu tersebut.

"Oooff!" jerit Daud apabila dia cuba mengangkat batu itu. "Batu apa ni,

berat macam besi!"

"Oi! Daud. Makanlah dulu," kata Kassim. "Lepas itu barulah dapat kauangkat batu itu!"

Kassim dan Sulaiman ketawa terkekeh-kekeh. Mereka tahu bahawa Daud mahu mengambil batu itu untuk dijadikan tempat duduk ketika makan.



*Kolam lombong yang lama ini kini diusahakan sebagai salah satu tarikan pelancong ke kawasan ini.*



*Hanya inilah satu-satunya kereta api yang pernah memberi perkhidmatan di Terengganu. Kereta api lama ini pernah digunakan di Bukit Besi, Terengganu dalam tahun-tahun 1950-an hingga awal 1970-an. Kini kereta api ini dipulihara oleh Lembaga Muzium Negeri Terengganu.*

Kalau sudah makan, buat apa lagi batu itu diangkat!

"Betul! Batu ini berat betul. Macam besi," tegas Daud melawati ketawa rakan-rakannya. "Kalau tak percaya, cubalah kamu angkat."

"Sudahlah, jangan cuba nak mengenakan kami pula," jawab Sulaiman.

Daud menggeleng-geleng sambil berjalan menuju ke tempat kawan-kawannya duduk. Dia duduk di atas batang kayu buruk di situ dan terus membuka bekalaninya.

Selepas mereka selesai makan, tergerak pula hati Sulaiman untuk mencuba mengangkat batu itu. Daud dan Kassim memerhatikan gerak-gerik Sulaiman dengan penuh minat.

Sulaiman membongkok dan mengenakan tangannya pada batu. Kemudian, dengan penuh keyakinan Sulaiman membetulkan sendi lututnya untuk mengangkat batu itu. Batu itu memang berat. Sedikit pun tidak berganjak batu itu. Sebaliknya Sulaiman tertumas.

Sekarang giliran Daud pula untuk ketawa terbahak. "Ah, dah kena nasi pun tak dok reng nok angkat batu ni!"

Buat seketika Kassim tidak berkata apa-apa. Dia hanya memerhatikan Sulaiman yang masih tergelek di atas tanah sambil tercungap-cungap. Kemudian Kassim berkata "Tak rajin aku jumpa batu berat macam ni. Tak dok dalam dunia ni." Dia pun mencadangkan supaya mereka menamai bukit itu Bukit Besi. Begitulah khabarnya kisah di sebalik nama kawasan ini.

Pada tahun 1916, ahli kaji bumi Jepun yang bernama Kuhara telah

datang ke Dungun untuk menjalankan kajian ke atas tanah di kawasan Chemuak, Hulu Dungun. Dia mendapati bumi di situ kaya dengan bijih besi. Kemudian dua buah syarikat Jepun iaitu *Nippon Mining Company Ltd* dan *Ishihara Sangyo Koshi Ltd*, memulakan usaha cari gali secara lebih terperinci di kawasan itu. Laporan yang diterima sungguh menggalakkan.

Dalam tahun 1929, kerajaan Terengganu memberi kebenaran kepada *Syarikat Nippon Mining Company* untuk menjalankan kerja-kerja perlombongan di Bukit Besi. Kawasan perlombongan yang dibenarkan oleh kerajaan Terengganu seluas 1,080 ekar. Jangka pajakannya adalah selama 50 tahun.

Lombong bijih besi di Dungun itu adalah lombong dedah. Bahan letupan dan penyodok digunakan untuk mengeluarkan bijih besi daripada tanah dan batuan. Pada suatu ketika, lebih separuh daripada jumlah import bijih besi untuk kegunaan perusahaan besi dan keluli di Jepun dilombong daripada Bukit Besi.

Perlombongan bijih besi ini telah banyak mengubah wajah Bukit Besi dan Dungun, bandar terdekat dengannya. Pada tahun 1930, Bukit Besi dan Dungun telah dihubungkan dengan landasan kereta api ringan bagi mengangkut bijih untuk dieksport. Pelabuhan Dungun menjadi pelabuhan yang ketiga penting ketika itu selepas Pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang.

Dalam masa pemerintahan Jepun di Tanah Melayu, *Nippon Mining Company* diarahkan oleh kerajaan Jepun supaya melipatgandakan perlombongan besi di Bukit Besi untuk

memenuhi permintaan industri pembuatan senjata perang di negara itu.

Apabila tamat Perperangan Dunia Kedua, lombong tersebut dirampas oleh pihak berkuasa British dan aktiviti perlombongan terpaksa dihentikan kerana tidak ada permintaan untuk bahan mentah tersebut pada masa itu.

Walau bagaimanapun, pada tahun 1949 kerajaan British mengambil keputusan menjual lombong bijih besi itu kepada sebuah syarikat Inggeris iaitu Eastern Mining and Metal Company (EMMCO). Sejak awal tahun 1950, permintaan terhadap bijih besi meningkat semula. Negeri Terengganu turut menikmati hasil daripada peningkatan permintaan itu, royalti daripada lombong bijih besi tersebut berjaya menyumbangkan satu pertiga daripada pendapatan tahunan negeri

Terengganu pada masa itu.

Selepas tahun 1960, pengeluaran bijih besi di Bukit Besi mula meleset. Hal ini mendorong kerajaan Terengganu menutup lombong itu pada awal tahun 1970.

Namun begitu, kerajaan Terengganu dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan memulihkan kembali kawasan ini. Pada tahun 1973, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) ditubuhkan dan diberi amanah untuk membangunkan kawasan yang merangkumi Bukit Besi.

Satu peninggalan kegiatan perlombongan di Bukit Besi yang boleh dilihat pada hari ini ialah sebuah tasik seluas kira-kira 50 hektar. Di tengah-tengah tasik ini terdapat sebuah pulau yang diliputi hutan kecil.

# BUKIT KELUANG

*Satu daripada dua 'sayap' keluang yang masih ada. Yang satu lagi telah lama ditenggelami ombak. Dalam bukit yang berbentuk sayap keluang ini terdapat gua yang berlantai pasir. Kononnya di dalam gua inilah, para lanun yang bermaharaja lela di sini pada zaman lampau berlindung.*

Pantai Bukit Keluang terletak di daerah Besut, kira-kira lima belas kilometer dari pekan Jertih dan lima kilometer dari Kampung Raja. Pantai ini bukan sahaja terkenal di kalangan penduduk tempatan tetapi juga di kalangan pelancong dari luar daerah Besut. Pasir pantai ini kuning keemas-emasan. Yang menarik tentang pantai ini ialah Bukit Keluang itu sendiri.

Dari jauh, Bukit Keluang kelihatan seolah-

olah telah tumbuh seperti busut besar di atas tanah yang mendatar. Busut itu dibelah dua; sebelah di darat dan sebelah lagi telah ditelan oleh Laut Cina Selatan. Permukaan yang menghadap daratan ditumbuhi pokok-pokok tinggi.

Dalam tahun '70-an, ada orang yang memasang perangkap kera di atas bukit ini. Permukaan yang menghadap Laut Cina Selatan pula sangat curam, hampir menegak. Di



permukaan inilah terdapat gua-gua batu yang besar yang dikatakan pernah dijadikan sarang oleh lanun-lanun yang bermaharaja lela di persisiran pantai timur Semenanjung Malaysia.

Pada masa dahulu, orang ramai takut untuk mengunjungi kawasan di sekitar Bukit Keluang kerana tempat itu diperkatai sarang lanun. Barang-barang yang dirompak oleh lanun yang bersembunyi di situ dikatakan disimpan di dalam gua sarang keluang.

Menurut ceritanya, pada suatu masa dahulu, ketua lanun yang bernama Raja Sang Nyana pernah menjadi ketua di daerah ini. Raja Sang Nyana dan anak buahnya berlindung di dalam gua-gua batu di bukit ini.

Di bahagian belakang bukit ini pula terdapat muara sungai yang mengalir dari hulu Kampung Tembila.

Kedudukan Bukit Keluang yang demikian itu menyebabkan hampir dua pertiga daripada kawasan di kakinya digenangi air.

Sebenarnya dalam tahun '60-an, Pantai Bukit Keluang tidak diberi perhatian kerana pada masa itu terdapat satu lagi tempat perkelahan tidak jauh dari situ yang lebih mudah untuk dikunjungi. Tempat itu ialah Bukit Dendung.

Menurut cerita, Bukit Keluang

mendapat namanya kerana pada suatu masa dahulu, banyak terdapat keluang di dalam gua batunya. Haiwan itu membuat sarang di situ dan membiak dengan cepat. Pada masa musim buah-buahan, keluang-keluang itu keluar berderu setiap petang untuk mencari makanan. Apabila fajar menyingsing, haiwan itu terbang kembali ke gua di bukit itu.

Ada cerita yang mengatakan penduduk terawal di kawasan Bukit Keluang terdiri daripada orang Siam. Masyarakat Siam di situ tidak berkembang. Sebaliknya keluarga demi keluarga berpindah untuk memulakan penghidupan baru di tempat lain. Orang tua-tua di Air Tawar dan Kuala Besut hari ini masih ingat akan perkampungan orang Siam itu.

Kini beberapa tangga dan titian konkrit telah didirikan di permukaan Bukit Keluang yang menghadap laut untuk kemudahan orang yang berkelah di situ. Dengan menyusur tangga dan titian itu mereka boleh ke gua besar yang kownonya sarang keluang dahulu. Gua itu berlantai pasir. Apabila air pasang, sebahagian daripada gua itu akan tenggelam. Ketika itu, orang yang berjalan di atas titian juga akan basah disimbah ombak yang membadi batu-batu besar di kaki bukit itu.

# BUKIT PUTERI

Rumah api Bukit Puteri (kiri) dan meriam di pintu kubu Bukit Puteri.


Bukit Puteri yang terletak di tepi Sungai Terengganu adalah suatu lambang bersejarah negeri ini. Ketinggian Bukit Puteri cuma lebih kurang 190 meter. Keluasan kawasannya pula hanya 688 hektar.

Pada masa dahulu, Bukit

Puteri merupakan kubu pertahanan bagi sultan-sultan yang memerintah negeri Terengganu. Antara istana yang didirikan berhampiran dengan Bukit Puteri ialah Istana Maziah, Istana Sultan Mansur II dan Istana Hijau.

Menurut cerita, kawasan bukit ini dibuka oleh seorang pembesar dari Johor, Tok Raja Menteri. Beliau datang ke Terengganu untuk menabalkan Sultan Zainal Abidin I sebagai Sultan Terengganu yang pertama. Kawasan di sekitar bukit ini pula dikatakan telah diteroka oleh pengikut Datuk





Bendahara Padang Saujana Johor yang menghantar wakilnya untuk memerintah negeri Terengganu.

Nama Bukit Puteri dikaitkan dengan puteri bunian yang kononnya bersemayam di atas bukit itu. Ketika itu orang ramai boleh meminjam pinggan mangkuk, dokoh, gelang dan sebagainya untuk tujuan majlis perkahwinan.

Di atas Bukit Puteri terdapat sebuah genta (loceng) yang besar. Genta itu diperbuat daripada tembaga kuning pada tahun 1808, iaitu dalam zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III. Pada zaman dahulu, genta ini dijaga oleh budak raja. Budak raja diberi tugas membunyikan genta itu untuk mengumumkan sesuatu perkara penting atau jika ada titah raja yang hendak disampaikan dan juga apabila berlaku kecemasan dan bencana yang menimpakan negeri. Dalam bulan Ramadan, genta ini dibunyikan apabila tiba waktu berbuka puasa dan waktu imsak. Malah genta ini

juga dibunyikan untuk mengejutkan orang ramai supaya bangun untuk bersahur.

Di kepala benteng di atas bukit ini, iaitu di bahagian hadapannya, ada sebatang tiang api yang kini dijadikan suar atau mercu tanda di kuala sungai kepada perahu-perahu dan kapal yang berada di laut.

Bukit Puteri juga terkenal sebagai tempat menyimpan peluru meriam dan ubat bedil yang digunakan semasa perang saudara. Peluru dan ubat bedil itu disimpan di dalam sebuah gua yang dinamakan Gua Puteri.

Kini Bukit Puteri digunakan sebagai lapangan untuk menembak meriam apabila satu-satu istiadat kebesaran negeri diadakan. Selain itu, Bukit Puteri telah dimajukan sebagai tempat tarikan pelancong. Tiap-tiap hujung minggu dan pada hari cuti umum, tempat ini menjadi tumpuan orang ramai yang datang untuk melihat kesan-kesan sejarah yang terdapat di situ.

# CUKAI

*Bandar ini telah lama tertinggal oleh arus pembangunan. Dalam tahun-tahun 1970-an keadaan mula berubah dengan pemerlukan petroleum di luar pantai Terengganu. Kini bandar Cukai sibuk dengan pelbagai kegiatan perdagangan. Bandar ini berkembang selaras dengan kesepatan yang berlaku di sekitarnya.*


Cukai ialah pusat pentadbiran daerah Kemaman, daerah yang paling ke selatan di negeri Terengganu. Nama Cukai dikatakan lahir daripada satu peristiwa yang berlaku di kuala Sungai Cukai yang dahulunya dikatakan ada banyak buaya.

Buaya-buaya yang mendiami kuala Sungai Cukai sentiasa mengancam keselamatan nelayan yang melalui tempat itu. Nelayan-nelayan di situ dapat

melihat buaya-buaya yang berkeliaran di tebing sungai itu setiap kali mereka keluar ke laut dan ketika mereka pulang. Buaya-buaya yang banyak itu dipercayai diketuai oleh seekor buaya keramat.

Sudah beberapa orang nelayan yang telah mati selepas perahu mereka diserang buaya di situ. Apabila nelayan-nelayan itu sudah tidak tahan lagi untuk berhadapan dengan bahaya demikian, mereka bersetuju





*Sebahagian kompleks penapisan gas dan petroleum di luar bandar Cukai. (Bawah) Bahan buangan sampingan daripada proses penapisan gas dan petroleum dilupus.*

untuk berhubung dengan buaya keramat itu melalui seorang bomoh yang terkenal. Mereka mahu memberitahu buaya itu agar jangan mengganggu perahu mereka yang lalu di situ.

Bomoh itu sudi menolong. Dia mengadakan suatu upacara khusus untuk menghubungi buaya keramat itu. Setelah beberapa lama berunding, akhirnya mereka mencapai kata sepakat. Buaya itu bersetuju untuk cuma menangkap seorang nelayan setiap tahun sebagai cukai menggunakan kuala sungai itu. Tidak lama kemudian, bomoh itu sekali lagi diminta bersemuka dengan buaya keramat itu. Pada rundingan kali ini buaya itu bersetuju dengan permintaan bomoh supaya binatang ternakan seperti lembu atau kerbau sahaja dijadikan cukai.

Sejak itu, setiap tahun nelayan-nelayan di situ mengorbankan seekor lembu, atau kerbau, yang kemudian dicampakkan ke dalam kuala sungai tersebut sebagai membayar 'cukai'. Sejak



itu juga mereka tidak lagi diganggu oleh buaya-buaya di kuala sungai itu. Akhirnya nelayan-nelayan di situ menamakan kawasan yang berhampiran dengan kuala sungai itu sebagai Cukai. Nama itu mengingatkan mereka akan tanggungjawab yang perlu ditunaikan setiap tahun untuk mengelakkan nyawa manusia terkorban di kuala sungai itu.

Kini Cukai sedang pesat membangun. Loji penapisan gas dan petroleum yang didirikan tidak jauh dari bandar ini turut menyumbang ke arah memajukan bandar ini. Kilang-kilang perindustrian yang lain juga sedang berkembang di sekitar bandar ini.

# DUNGUN

*Rantau Abang terkenal kerana tempat ini merupakan antara beberapa lokasi di dunia yang menjadi tempat penyu mendarat untuk bertelur pada musim tertentu setiap setahun.*

Bandar Dungun terletak kira-kira 75 kilometer ke selatan bandar Kuala Terengganu. Bandar ini terletak di muara Sungai Dungun. Seperti kebanyakan bandar-bandar utama di Terengganu, nama penuh bandar ini ialah Kuala Dungun. Tetapi perkataan kuala di awal namanya telah digugurkan. Nama bandar-bandar lain seperti Kuala

Cukai dan Kuala Paka juga telah mengalami perubahan yang sama. Bandar ini ialah pusat pentadbiran daerah yang memakai nama yang sama iaitu daerah Dungun. Mata pencarian tradisional masyarakat luar bandar di daerah ini ialah menangkap ikan dan bercucuk tanam. Tetapi kini dengan ada industri yang pelbagai corak



pekerjaan tradisional di daerah ini turut berubah. Banyak anak muda yang telah mencari pekerjaan di kilang-kilang. Kalau ada pun hanya sebahagian kecil sahaja yang terlibat dalam pekerjaan tradisional tersebut.

Kawasan perindustrian Terengganu terletak di Paka, Dungun. Di sini terdapat loji penapisan gas dan petroleum. Kilang penjanaan kuasa persendirian YTL juga terdapat di sini. Kilang-kilang industri gergasi seperti Malaysian Oxygen dan

Kerajaan Majapahit. Hikayat lama yang lain juga menyatakan Dungun dahulunya sebuah negeri yang berasingan. Perperangan antara Terengganu dan Dungun pernah beberapa kali membawa huru-hara di negeri ini.

Menurut cerita orang tua-tua, nama Dungun berasal daripada nama pokok iaitu pokok dungun yang banyak tumbuh di kawasan paya bakau di sepanjang pantai daerah ini.

Hingga tahun 1960-an, bandar




lain-lain mempunyai cawangan masing-masing di daerah ini.

Dungun telah lama wujud. Mengikut syair Jawa *Negarakertagama* yang ditulis dalam tahun 1365 oleh sami Buddha Prapanca, Dungun bersama Terengganu berada di bawah takluk

*Turbin gas sedang diangkut dari Pelabuhan Paka.*

Dungun terkenal sebagai bandar perlombongan. Pada masa itu, Bukit Besi di bahagian pedalaman daerah Dungun merupakan kawasan perlombongan bijih besi yang terbesar di Malaysia. Ketika itu



*Kompleks penjanaan kuasa persendirian di Paka, Dungun.*

bandar Dungun menjadi pelabuhan bijih besi yang penting.

Apabila perusahaan melombong bijih besi ditutup, kawasan Bukit Besi terus mundur. Kini kawasan Bukit Besi cuba dimajukan sebagai suatu tempat pelancongan. Tasik yang wujud daripada kerja-kerja perlombongan di situ telah dijadikan tempat rekreasi.

Kini daerah Dungun lebih terkenal sebagai tempat perkelahan, terutama di Rantau Abang. Pada musim penyu

bertelur, Rantau Abang tidak pernah sunyi. Pelancong dari jauh dan dekat berpusu-pusu ke pantai ini. Musim Penyu bertelur biasanya antara bulan Mac hingga Oktober setiap tahun. Jenis-jenis penyu yang mendarat di pantai ini termasuk penyu belimbing, penyu agar, penyu lipas dan penyu sisik. Penyu yang paling terkenal dan paling besar ialah penyu belimbing. Berat penyu jenis ini boleh mencapai 350 kilogram.

# KAMPUNG ALUR LIMBAT

Kampung Alur Limbat terletak kira-kira sembilan belas kilometer dari bandar Kuala Terengganu. Kampung ini mempunyai sejarah yang agak unik berbanding dengan kampung-kampung lain di Terengganu, malah berbanding dengan kampung-kampung lain di negara kita. Menurut ceritanya, pada mulanya Kampung Alur Limbat lebih dikenali dengan nama Kampung Matahari Naik.

*Ular lembu atau ular bidar.*



Nama itu lahir kerana kedudukannya, iaitu di sebelah timur.

Ketika petempatan ini mula dibuka dan bilangan penduduknya masih kecil, hanya tujuh belas orang dari tiga buah keluarga. Pada masa itu Kampung Alur Limbat diperintah oleh seorang tokoh yang gagah dan berani yang bernama Tukang Dollah.

Suatu hari, pemuda Siam tujuh beradik datang ke kampung ini untuk membunuh seekor ular yang sedang mengganas di kampung itu. Ular itu dikenali sebagai ular bidar atau ular lembu. Ular ini sangat panjang. Apabila datang hujan panas, ular ini akan berbunyi, seperti lembu melenguh.

Tempat ular itu bermain ialah alur yang memanjang di pinggir kampung itu. Alur ini bermula dari Bukit

Tok Baut di bahagian hulu kampung itu dan terus menganjur ke sebuah Kampung Baruh Dalam yang terletak ke utara kampung itu. Jauhnya kira-kira 1.6 kilometer.

Pemuda tujuh beradik dari Siam itu berusaha dengan berbagai-bagai cara untuk menangkap ular besar itu. Suatu hari, enam daripada mereka pengsan semasa cuba untuk menangkap ular itu. Walau bagaimanapun, pemuda Siam yang tinggal seorang itu, akhirnya berjaya menangkap ular ganas itu dan kemudian membunuhnya.

Sebahagian daripada daging ular itu direbus dan dijadikan ubat untuk memulihkan semula adik-beradiknya yang telah pengsan. Dengan ubat itu mereka berenam berjaya dipulihkan.

Akan tetapi, tidak berapa lama selepas peristiwa itu seekor gajah telah dijumpai terbunuh di pinggir Bukit Tok Baut. Bangkai gajah itu dijumpai oleh orang kampung yang sedang berjalan pulang dari berhuma. Yang menghairankan mereka ialah bangkai gajah yang ditemui itu sedang dimakan

oleh seekor ikan yang besar. Ikan itu dikenali sebagai ikan limbat.

Ikan limbat termasuk dalam keluarga ikan keli. Ridip ikan limbat kelihatan seperti balung yang memanjang dari hidung hingga ke ekornya. Ikan Limbat



*Ikan limbat ini berulang alik mengikut alur itu untuk makan bangkai gajah.*

itu sentiasa berulang-alik melalui alur di pinggir kampung itu ke Bukit Tok Baut untuk memakan bangkai gajah itu.

Penduduk kampung itu berasa alur di pinggir kampung mereka sungguh luar biasa. Mereka tidak mengetahui mengapa ular bidar dan ikan limbat itu suka tinggal di dalam alur itu. Jadi berikutnya dua peristiwa yang aneh itu maka orang kampung bersetuju untuk menamakan kampung mereka Kampung Alur Limbat dan cerita ini kekal diterima dan telah disampaikan oleh orang tua-tua kepada generasi yang seterusnya.

# KAMPUNG KERANDANG

Kampung Kerandang terletak kira-kira lapan kilometer dari Jertih, Besut. Kampung ini dikelilingi oleh sawah padi. Untuk ke kampung ini ada beberapa jalan iaitu melalui Apal, Bukit Kenak, Alor Lintah, Kampung Raja dan Tembila.

Seperti kebanyakan kampung, nama kampung ini juga lahir daripada suatu peristiwa.

Menurut cerita orang tua-tua, nama kampung itu diberi oleh ketua penyerokanya yang bernama Tok Wok Long berikutan kejadian semasa dia keluar memancing. Dahulu tanah datar di sekitar kampung itu dilitupi belukar dan kubang-kubang serta alur di sana sini. Ikan yang besar-besar banyak di situ.

Di tepi salah satu kubang itu terdapat banyak pokok kerandang. Di dalam kubang itu ada banyak ikan yang tidak diketahui namanya.

Kawan-kawan Tok Wok Long itu juga tidak mengetahui nama ikan itu.

Akan tetapi ikan-ikan itu sungguh sedap rasanya. Berita tentang ikan besar yang dikail di kubang itu tersebar ke perkampungan-perkampungan baru yang berhampiran termasuk Tanah Merah dan Pak Wong.

Sejak itu kubang kerandang sentiasa dikunjungi pengail. Yang anehnya ikan besar itu seolah-olah tidak mahu pupus dari kubang itu. Sesiapa yang mencampakkan mata kail ke dalam kubang itu pasti beroleh lauk untuk hari itu.

Mereka cuma menamai ikan itu sebagai ikan di kubang semak kerandang. Lama-kelamaan, ikan itu dinamai ikan kerandang.

Pada suatu hari, Tok Wok Long dan jiran-jirannya berbincang dan bersetuju untuk menamakan kampung mereka Kampung Kerandang. Tetapi yang agak menyedihkan, tiada seorang pun yang tinggal di kampung ini sekarang tahu bagaimanakah rupa ikan tersebut.


# KEMAMAN

*Kompleks Kilang Besi dan keluli Perwaja di Kemaman.*

Kemaman telah menjadi sebuah daerah yang terkenal di Malaysia sejak penemuan simpanan petroleum dan gas asli di luar pantainya dalam tahun 1970-an. Hasil daripada penemuan itu, kini terdapat beberapa industri yang berdasarkan petroleum di daerah ini. Kawasan utama yang terlibat secara langsung dengan industri petroleum ialah Kerteh. Selain industri berdasarkan

petroleum, di Kemaman juga terdapat kilang besi dan keluli. Sejak sepuluh tahun yang kebelakangan ini Kemaman telah berkembang dengan pesat.

Menurut cerita, pada zaman dahulu ada seorang yang bernama Lebai Saras, seorang pedagang dari tanah Minangkabau, telah datang ke Kemaman. Apabila dia sampai di suatu kuala sungai di kawasan yang sekarang disebut Kemaman, dia



berhenti untuk berehat di situ. Lebai Saras dan ahli rombongannya berasa tenang dan damai berada di situ. Mereka mengambil keputusan untuk tinggal di situ lebih lama sementara menunggu masa yang baik untuk meneruskan perjalanan ke tempat lain.

Kemudian mereka mendapati bahawa di tempat mereka berehat itu ada banyak kera. Daripada pemerhatian mereka, kera-kera itu mempunyai satu ketua yang gagah dan berpengaruh. Pengikut-pengikut Lebai Saras menganggap ketua kera itu binatang sakti. Mereka menyedari bahawa kerakera lain sentiasa menuruti kehendak kera sakti itu. Tiada seekor pun yang berani melawannya. Tiap-tiap hari, kera yang banyak itu membawa makanan kepada ketua mereka.

Setelah memerhati gelagat kera-kera itu, Lebai Saras pun berkata kepada pengikutnya pula, "Cuba kamu tengok tabiat kera itu bagaikan mambang itu."

Para pengikutnya suka kepada nama anjuran Lebai Saras itu. Oleh sebab itu mereka menamakan tempat mereka menumpang itu 'Kera Mambang'. Selepas itu mereka membatalkan rancangan mereka untuk beredar ke

tempat lain. Sebaliknya mereka terus berkampung di Kera Mambang. Pada pendapat mereka, kewujudan kera mambang itu suatu petanda yang baik. Harapan mereka kera mambang itu akan membawa tuah kepada mereka.

Walau bagaimanapun, 'Kera Mambang' agak panjang dan sukar untuk disebut oleh penduduk tempatan, terutamanya bagi generasi-generasi yang menyusuli generasi Lebai Saras. Akhirnya nama Kera Mambang beransur-ansur bertukar menjadi Kemaman. Daerah yang membangun di sekitarnya juga dinamakan Kemaman.

Kampung Kuala Kemaman sekarang terletak cuma 'sekangkang kera' dari bandar Cukai, pusat pentadbiran Daerah Kemaman. Sungai Kemaman berkongsi kuala dengan Sungai Cukai.

Kini daerah Kemaman terus membangun, lebih-lebih lagi di Kawasan Perindustrian Jakarta I dan Jakarta II, dan di Teluk Kalung. Kawasan-kawasan perindustrian ini dimajukan oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). Kilang besi waja kepunyaan Perbadanan Industri Berat Malaysia (Hicom) terletak di kawasan perindustrian Teluk Kalung.

# KUALA BESUT

Pekan Kuala Besut ialah salah satu pekan nelayan yang terpenting di Terengganu. Di pekan kecil ini kini terdapat sebuah kompleks perikanan. Di sini hasil tangkapan ikan tempatan dikumpulkan sebelum dihantar ke pasar-pasar di luar daerah Besut termasuk Kuala Terengganu dan Kota Bharu. Selain itu, Kuala Besut juga terkenal sebagai pangkalan untuk para pelancong berlepas ke Pulau Perhentian.

Menurut cerita, nama Kuala Besut timbul setelah wujud daerah Besut, iaitu selepas orang Melayu yang mula-mula sampai ke situ mendapatkan kawasan itu daripada Besut, ketua orang asli suku Pangan.

Dari segi sejarah, pekan Kuala Besut dan kawasan di sekitarnya mempunyai kerajaannya sendiri sebelum dijadikan salah sebuah daerah Terengganu. Raja Besut yang pertama bernama Tengku Chik yang berasal

dari negeri Kelantan. Pusat pemerintahan Tengku Chik ialah Kampung Raja, yang terletak kira-kira lima kilometer dari pekan itu, di seberang Sungai Besut.

Selepas kemangkatan Tengku Chik, anaknya Tengku Long dilantik menjadi Raja Besut. Tengku Long dikatakan meneruskan dasar yang telah diasaskan oleh ayahanda baginda. Pemerintahan kedua-dua raja ini memang adil.

Ketika Tengku Long memerintah, orang Inggeris mula bertapak di Tanah Melayu. Tengku Long turut mengadakan perhubungan dengan Inggeris dan mula menerima nasihat mereka.

Sejak kedatangan Inggeris, keadaan di Kuala Besut mula berubah. Antara perubahan yang dilaksana ialah pengenalan undang-undang khas yang menetapkan raja yang memerintah dibayar gaji oleh kerajaan. Sistem pencukaian ke atas hasil

perdagangan dan pertanian dikenakan mengikut kadar tertentu juga dilaksanakan. Namun begitu pihak Inggeris tidak campur tangan dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam dan adat serta resam orang Melayu.

Kini Kuala Besut dan Kampung Raja

'sut'. Dalam loghat Melayu Kelantan, iaitu bahasa yang dituturkan di daerah Besut, perkataan itu membawa maksud 'penghabisan' atau yang terakhir.

Pada suatu ketika, daerah Besut menjadi rebutan antara keluarga diraja Kelantan dan keluarga diraja

Terengganu. Masing-masing mendakwa bahawa daerah Besut telah sekian lama berada di bawah taklukannya.

Pembesar Terengganu membuktikan dakwaannya dengan mengaitkan nama Besut dengan hitungan kuala sungai di negeri Terengganu. Jika

hitungan itu dimulakan dari Sungai Kemaman, maka kuala Sungai Besut adalah kuala yang terakhir di negeri Terengganu.

Pembesar Kelantan bersetuju dengan asal nama Besut, tetapi tidak dengan perhitungan pembesar Terengganu itu. Katanya hitungan itu sepatutnya bermula dari kuala Sungai Besar di Kelantan. Jika dikira dari sana, maka kuala Sungai Besut adalah kuala yang 'sut' atau terakhir dalam jajahan Kelantan.

Akhirnya, sultan kedua-dua negeri itu bersetuju untuk menyelesaikan perselisihan mereka dengan menyabung ayam. Pertaruhannya ialah daerah Besut. Sultan yang menang akan



*Masjid yang mempunyai reka bentuk yang agak unik. Dari satu sudut bangunan yang sering dikaitkan dengan tradisi ini kelihatan seperti satu pesawat 'futuristik' yang sering dipaparkan di kaca TV.*

sudah pun dihubungkan dengan jalan darat. Sebuah jambatan telah dibina merentangi kuala Sungai Besut. Bot penambang yang menjadi kenderaan utama di antara dua tebing Sungai Besut itu kini sudah tidak beroperasi lagi.

Walau bagaimanapun, ada orang yang mengatakan bahawa asal nama Kuala Besut tidak ada kena-mengena dengan orang Pangan. Pada pendapat mereka, Besut dalam nama pekan itu berasal daripada perkataan 'ngusut' atau



*Sebuah rumah tradisional mengikut seni bina Terengganu.*

memerintah Besut buat selama-lamanya.

Sumber lain pula mengatakan sejarah Besut bermula hanya kira-kira 200 tahun yang lampau dengan kedatangan seorang saudagar yang bernama Encik Latiff ke Kampung Palembang. Encik Latiff yang dikatakan berasal dari Palembang, Sumatera telah dapat memujuk ketua penduduk Pangan di situ iaitu Tok Sut atau Pak Besut untuk menyerahkan kawasan yang diketuainya itu dengan harta yang berupa segantang mata kail sebagai pampasan. Encik Latiff amat dihormati. Malah dia dianggap raja di Kampung Palembang itu. Sebagai 'raja', Encik Latiff cuba membangunkan Kampung Palembang. Beliau cuba membangunkan kampung itu sebagai pelabuhan persinggahan untuk perahu-

perahu dagang yang besar yang datang berdagang ke Patani. Namun cita-cita Encik Latiff gagal kerana perahu-perahu yang diharapkan untuk berlabuh di situ sering diserang oleh lanun-lanun. Dari keterangan yang terkumpul, didapati kapal-kapal dari China menjadi mangsa utama lanun-lanun ini.

Untuk mengatasinya masalah ini, Encik Latiff telah pergi menghadap Sultan Terengganu (Sultan Abidin I, 1726 - 1733) dan menawarkan Kampung Palembang kepada baginda. Dalam zaman pemerintahan Sultan Mansur I (1733 - 1799), Kampung Palembang jatuh ke bawah takluk kerajaan Terengganu. Tengku Kadir, putera baginda dilantik sebagai raja dalam tahun 1815. Kampung Raja dijadikan pusat pemerintahan baginda.


# MENGABANG TELEPOK

Mengabang Telepok terletak kira-kira enam belas kilometer dari Kuala Terengganu. Menurut cerita, kampung ini mendapat namanya daripada kisah kemunculan seekor ular yang besar.

Ular besar itu tinggal di dalam sebuah tasik kecil yang disebut sebagai mengabang oleh penduduk tempatan. Apabila turun hujan panas, ular itu akan muncul dan mengeluarkan bunyi yang aneh. Bunyi

ular itu sunguh kuat, sekuat bunyi lembu melenguh. Oleh itu penduduk kampung merujuk kepada ular itu sebagai ular lembu.

Sebaik-baik sahaja ular itu berbunyi, sejenis tumbuhan yang dinamai telepok mula muncul di permukaan tasik kecil itu. Telepok ialah sejenis teratai kecil. Bunganya berwarna putih. Apabila penduduk kampung itu melihat telepok ber-





apungan di permukaan air, mereka tahu bahawa ular yang besar itu sudah berada di dalam tasik kecil itu. Jika ular itu tiada, pasti telepok juga hilang.

Orang kampung tidak tahu dari tempat mana datangnya ular itu. Mereka juga tertanya-tanya, apakah yang terjadi kepada ular itu apabila telepok sudah tiada di permukaan tasik? Adakah ular itu hidup dengan memakan daun telepok?

Pada suatu tahun, musim kemarauanya telah berlarutan. Penduduk kampung itu resah kerana sumber air semakin berkurangan. Tasik kecil tempat ular itu bermain turut kering.

*Apabila hujan panas turun, ular besar yang melenguh kuat seperti lembu ini muncul di tengah-tengah kolam. Bunga telepok turut muncul bersama ular itu. Apabila ular itu menghilang, bunga telepok juga turut lesap.*

Namun penduduk kampung itu tidak menemui apa-apa tanda yang menunjukkan di dasar tasik itu tempat ular tersebut bersarang.

Darihal keanehan ular itu, penduduk di situ bersetuju untuk menamakan kampung mereka sebagai Mengabang Telepok (dieja mengikut sebutan orang tempatan). Pada masa ini kawasan tasik itu sudah tidak berair lagi dan hanya ditumbuhi pokok buluh.

# PULAU KAPAS

Pulau Kapas terletak kira-kira enam kilometer dari pantai Terengganu, di perairan daerah Marang. Pulau ini sangat kecil berbanding dengan Pulau Redang atau Pulau Perhentian. Namun pulau ini begitu terkenal di kalangan penyelam 'scuba', iaitu penyelam yang menggunakan tangki oksigen untuk bernafas.

Keistimewaan pulau ini terletak pada hidupan di dasar lautnya. Di situ

terdapat seribu satu macam tumbuhan laut, batu karang dan ikan. Bentuk dan warna yang beraneka itu pasti menawan pengunjung ke pulau itu.

Semua keindahan di dasar laut itu dapat dilihat kerana air di sekeliling Pulau Kapas cetek dan jernih.

Asal usul Pulau Kapas dikaitkan dengan sebuah legenda. Walaupun ada bahagian-bahagian legenda

*Pulau Kapas dilihat dari Pantai Batu Buruk. Ketika ini musim tengkujuh baru bermula.*



itu bercanggah dengan faktor geografi, legenda itu telah diterima sebagai cerita rakyat tempatan.

Pulau yang terletak berhampiran dengan muara Sungai Marang itu dikatakan berasal daripada buih. Menurut cerita orang tua-tua, pada suatu masa laut di sekitar daerah Marang dipenuhi buih putih. Buih itu hanyut dari setempat ke setempat apabila dititiup angin. Suatu ketika, buih itu tersangkut di muara Sungai Terengganu.

Disebabkan buih itu menjadi halangan kepada nelayan tempatan untuk keluar masuk, kejadian itu telah dilaporkan kepada pemerintah Terengganu pada masa itu. Akan tetapi, beliau cuma mengarahkan mereka

supaya menolak buih itu ke tengah laut semula.

Buih itu ditolak dan dilepaskan berhadapan dengan Sungai Marang. Apabila angin laut mati, terjadilah sebuah pulau di situ. Oleh sebab itu Pulau Kapas pada masa dahulu dikatakan bergerak ke sana sini apabila angin bertiu.

*Penduduk kampung itu menolak buih yang putih bersih itu semula ke laut. Begitulah mengikut kisah yang diceritakan oleh orang tua-tua. Buih yang putih bersih itu lama-kelamaan berubah menjadi Pulau Kapas.*



# PULAU SEKATI

Pulau Sekati adalah salah satu daripada beberapa pulau yang terdapat di pertengahan aliran Sungai Terengganu. Pulau Sekati terletak di antara Kampung Bukit Datu dan Kampung Bukit Losong. Pulau Sekati terpisah daripada Kampung

Bukit Losong oleh Sungai Losong yang cetek airnya. Untuk sampai ke Pulau Sekati, pengunjung terpaksa menaiki bot penambang, kenderaan utama di kawasan itu sejak dari dahulu.

Pulau Sekati dengan



(Atas) Sebuah masjid lama di Pulau Sekati.

(Sisipan) Gambar menunjukkan bahagian lain pulau yang dapat dijejaki dengan menggunakan jeti.



keindahan alam semula jadi dan suasannya yang aman dan damai, menarik hati setiap orang yang mengunjunginya.

Cerita tentang bagaimana Pulau Sekati mendapat namanya agak aneh. Mengikut cerita orang tua-tua nama Pulau Sekati dikaitkan dengan acara pertaruhan sekati emas.

Mengikut cerita, pada masa dahulu ada orang yang kohnnya bernama Raja Chulan datang ke Terengganu dan menetap di Tanjung Bunut. Tanjung Bunut ialah sebuah perkampungan yang terletak tidak jauh dari Pulau Sekati.

Di kampung itu, Raja Chulan telah berkahwin dan memulakan sebuah keluarga. Dia membuka kawasan petempatan baru. Di samping itu, dia bertani untuk menyara hidup.

Pada masa itu penduduk negeri Terengganu suka menyabung ayam. Pulau Sekati yang ketika itu belum bernama merupakan suatu tempat untuk bersabung ayam. Antara mereka yang datang ke situ untuk menyabung ayam termasuklah juga pembesar-pembesar negeri Terengganu.

Apabila ada acara bersabung ayam, maka ramai penduduk di situ berkumpul untuk melihat ayam siapakah yang menang. Mereka bukan sekadar menonton tetapi turut bertaruh. Nilai pertaruhan biasanya dikira dalam unit berat sekati emas.

Kegemaran penduduk di situ juga telah menarik perhatian Raja Chulan. Dia menyertai mereka setiap kali diadakan persabungan ayam. Dia juga ingin mencuba nasibnya untuk bertaruh dengan pembesar Terengganu, terutamanya

kerana dia mempunyai seekor ayam yang agak jaguh.

Pada satu hari, dia bersama-sama dengan beberapa orang kawannya pergi ke pulau itu untuk menyabung ayam. Ketika itu ramailah penduduk tempatan dan orang luar yang sejak dari awal lagi datang untuk melihat kejaguhan ayam yang bersabung.

Ayam sabung Raja Chulan telah ditentukan bersabung dengan seekor ayam pembesar negeri Terengganu. Ayam pembesar negeri itu sudah terkenal kerana telah banyak menewaskan ayam-ayam sabung yang lain. Akan tetapi Raja Chulan tidak mempedulikan hal itu. Dia benar-benar ingin menguji ayamnya.

Seperti biasanya, pertaruhan ialah sekati emas bagi mereka yang menang. Dalam persabungan itu kedua-dua ayam Raja Chulan dan pembesar negeri menunjukkan ketangkasan dan kekuatan yang setanding. Setelah beberapa lama berlawan, akhirnya ayam Raja Chulan telah kalah dan terbang lari ke Kota Terengganu.

Akibat kekalahan itu, Raja Chulan berasa malu lalu menghilangkan diri. Keputusan Raja Chulan untuk mlarikan diri sukar difahami oleh penduduk tempatan. Dia bukanlah orang yang pertama kalah sekati emas dalam pertaruhan sedemikian. Setiap kali diadakan persabungan ayam, pasti ada yang kalah dalam pertaruhan. Maka berikutnya peristiwa itu penduduk tempatan menamakan pulau tersebut Pulau Sekati Emas. Lama-kelamaan, nama itu diringkaskan sahaja kepada Pulau Sekati.

# SETIU

daerah Setiu merupakan pentadbiran daerah yang terdiri daripada 7 mukim iaitu Mukim Setiu, Mukim Sungai Besut, Mukim Sungai Permai, Mukim Sungai Buluh, Mukim Mangkuk, Mukim Penarik dan Mukim Bari. Daerah Setiu mempunyai jumlah penduduk kira-kira 130,000 orang. Ia terdiri daripada 10 buah kampung iaitu Kampung Setiu, Kampung Sungai Besut, Kampung Sungai Permai, Kampung Sungai Buluh, Kampung Mangkuk, Kampung Penarik, Kampung Bari, Kampung Sungai Meru, Kampung Sungai Tengah dan Kampung Sungai Selatan.

Kompleks kerajaan daerah Setiu.

Daerah Setiu daerah ketujuh dan terbaru bagi negeri Terengganu. Perletakan daerah ini ialah di antara daerah Besut di utara dan daerah Kuala Terengganu di selatan. Sebahagian besar daerah ini asalnya kawasan Besut dan yang selebihnya kawasan Kuala Terengganu. Daerah Setiu diwartakan pada 1 Januari 1985 dan diisytiharkan oleh Sultan Terengganu pada 30 April 1985. Bandar Permaisuri dijadikan pusat pentadbiran daerah ini. Keluasan

kawasan Setiu kira-kira 130 500 hektar dan dibahagikan kepada tujuh mukim.

Menurut sejarah, nama Setiu diambil bersempena nama seorang pahlawan yang banyak berjasa, sebagai penghormatan dan tanda ingatan untuk generasi selepasnya. Pada suatu masa dahulu, pahlawan Melayu itu sangat terkenal di sekitar Kampung Buluh, Mangkuk, Penarik dan Bari.

Menurut cerita yang lain pula, pahlawan handal bernama Tok Setiu itu



sebenarnya bukan anak tempatan malahan berasal dari Sulawesi. Pahlawan berketurunan Bugis itu dikatakan telah melaikan diri dari tempat asalnya bersama-sama sahabat handai dan rakan-rakannya setelah Bugis dikalahkan oleh pasukan Belanda yang menyerang Sulawesi.

Tok Setiu adalah panglima raja. Oleh kerana malu, beliau telah melaikan diri. Selain itu beliau juga tidak mahu bertuanan Belanda. Bersama beberapa orang sahabat handainya, Tok Setiu meninggalkan kampung halaman mereka.

Orang Bugis memang terkenal sebagai pelaut yang mahir. Laut yang bergelora tidak menjadi halangan kepada mereka. Setelah beberapa lama belayar merentasi Laut China Selatan, Tok Setiu dan para pengikutnya tiba di negeri Terengganu. Pada ketika itu Terengganu diperintah oleh Sultan Ahmad Shah II (1876 - 1881). Tok Setiu dan pengikutnya memohon kepada sultan untuk menumpang di negeri itu.

Sultan Ahmad bersetuju dan memperkenankan permohonan Tok Setiu dan para pengikutnya. Baginda kemudian menitahkan Tok Setiu membuka satu kawasan baru untuk mereka.

Tok Setiu telah dilantik menjadi ketua kampung oleh pengikut-pengikutnya. Walau bagaimanapun, perlantikan itu mendapat tentangan hebat daripada Tok Itam dan pengikutnya yang juga inginkan kawasan yang sama. Oleh kerana kedua-dua pihak tidak mahu bertolak ansur, berlakulah satu perperangan yang hebat. Ramai orang yang terkorban dalam perperangan yang berlangsung selama tujuh hari tujuh malam itu.

Ketika Tok Setiu dan pengikutnya

hampir kalah, beliau memohon bantuan daripada Tok Serban Kuning dari Mukim Batu Berindan, Bukit Mahsuri. Berkat bantuan mereka itu, Tok Setiu berjaya mengalahkan Tok Itam. Kemenangan itu mengukuhkan kedudukan Tok Setiu sebagai ketua kampung. Pengaruh beliau semakin kuat dan pengikutnya bertambah ramai. Anak buah Tok Itam menaruh dendam terhadap Tok Setiu lalu mereka pun membuat sempadan. Di atas sempadan itu ditanam satu azimat. Tujuan azimat itu ialah untuk mencegah binatang dari kampung Tok Setiu memasuki kawasan mereka.

Azimat itu sangat mujarab. Kononnya kerbau atau lembu yang hendak disembelih untuk sesuatu kenduri pasti mati apabila melintasi sempadan ini.

Pemerintahan Tok Setiu banyak membawa kebaikan kepada penduduk tempatan. Peninggalan yang paling berguna ialah tali air yang memudahkan pengaliran air sungai ke sawah.

Tok Setiu juga terkenal sebagai guru silat. Beliau mempunyai banyak anak murid. Silat dikatakan riadah utama dalam kehidupan pemuda kampung itu. Mereka didorong untuk mempelajari seni silat kerana setiap tahun diadakan pertandingan silat di situ.

Tok Setiu meninggal dunia kerana bertikam dengan adiknya, akibat difitnah. Beliau dikebumikan di bawah pokok berangan berhampiran dengan rumahnya. Kawasan perkuburan Tok Setiu sekarang diperahu pokok getah dan semak.

Kemasyhuran Tok Setiu menyebabkan penduduk kampung itu menamakan kampung mereka Kampung Setiu yang sekarang ini dipanggil Setiu Lama.